

22/04/2002

Poll bertujuan hancurkan perpaduan Umno

KUALA TERENGGANU, Ahad - Masalah kepemimpinan dan sikap berpuak-puak dalam Umno sudah lama lenyap kecuali dibangkitkan Pas yang bertujuan memecahbelahkan perpaduan pemimpin Umno.

Naib Presiden Umno, Tan Sri Muhyiddin Yassin, berkata masalah berpuak-puak sehingga wujudnya team A dan team B sebelum ini, sudah lama ditinggalkan Umno dan yang ada sekarang hanya satu pasukan.

"Pas sengaja mengadakan poll untuk melaga-lagakan pemimpin Umno kerana kemenangan parti lawan itu hanya bergantung kepada pergolakan dalam Umno," katanya merasmikan persidangan perwakilan Umno bahagian Kuala Terengganu, di Dewan Sekolah Menengah Kebangsaan Bandar, di sini, petang semalam.

Sehubungan itu, Muhyiddin berkata, menyedari hakikat itu, Umno tidak boleh membiarkan cubaan Pas itu, sebaliknya Umno perlu menggunakan kelemahan lawan bagi memastikan Umno kekal berkuasa.

"Pelbagai tindakan dilakukan Pas, termasuk meramal pemimpin yang bakal menggantikan Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad sebagai Perdana Menteri," katanya.

Beliau berkata, bagi membolehkan Umno menawan semula Terengganu, parti perlu mengatur strategi berkesan serta memastikan rakyat dan ahli diberikan maklumat yang betul dan tepat.

"Lebih dua tahun Pas memerintah Terengganu, kerajaan negeri gagal menunaikan banyak janji dan rakyat tidak wajar memberi kepercayaan kepada parti itu memerintah.

"Berdasarkan pendekatan Umno negeri, saya yakin Umno berjaya merampas semula pemerintahan negeri ini daripada Pas pada pilihan raya umum akan datang," katanya.

(END)